

**Pembanggang putar belit – NFCorp
Utusan Online
04 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 3 Mac - National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp) mendakwa pembanggang melirukan rakyat Malaysia dengan fakta tidak tepat berhubung perbadanan itu semata-mata untuk keuntungan politik.

NFCorp dalam satu kenyataan berkata, mereka telah bekerjasama sepenuhnya dengan pihak polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu tersebut.

"Nilai pengeluaran daripada pinjaman kerajaan kekal rahsia dalam kumpulan syarikat dan ia ada disebut dalam laporan tahunan yang telah diaudit serta difahami oleh seluruh lembaga pengarah.

"Pada tahun 2006 juga, NFCorp telah menjelaskan secara terperinci cadangan struktur korporat kepada kerajaan yang meliputi baka ternakan import, baka tempatan, jualan dan pemasaran, restoran dan bilik pameran daging, penjenamaan, promosi, harga, pemprosesan, baja, logistik dan perkara lain yang memenuhi keperluan Polisi Daging Negara (Sektor Ruminan) 2006," katanya.

Menurut kenyataan itu, NFCorp sentiasa mengadakan perbincangan dengan kerajaan sejak 2009 lagi.

"Bahkan, syarikat telah mengemaskini struktur korporat terbaru yang bergabung di bawah National Meat and Livestock Corporation Sdn. Bhd. untuk mengelakkan kekeliruan dengan Pusat Fidlot Nasional.

Tambah kenyataan itu lagi, pembanggang tidak pernah ada di dalam mesyuarat-mesyuarat kerajaan berhubung NFCorp atau mesyuarat lembaga perbadanan itu.

"Bagaimana mereka boleh memutarbelitkan fakta jika tidak pernah menghadirkan diri dalam mana-mana mesyuarat kami, semua maklumat berkaitan NFCorp hanyalah rekaan dan gambaran yang keterlaluan," jelasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0304&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm